

# KAEDAH BERINTERAKSI DENGAN AL- SUNNAH YANG BERTENTANGAN DENGAN REALITI SEMASA BERDASARKAN PRINSIP DR. YUSUF AL-QARADAWI.

**Jamalia binti Aurani\*, Wan Naimah binti Wan Daud, Ahmad Termizi bin Lateh,  
Noor Azura Zainuddin**

Center For Islamic Thought and Understanding (CITU), UiTM Perlis, 02600 Arau ,Perlis

Tel : 04-9882869

Email: [jamalia607@perlis.uitm.edu.my](mailto:jamalia607@perlis.uitm.edu.my)

*Abstrak* - Asas aqidah setiap individu muslim wajib berpegang kepada dua sumber perundangan iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Al-Sunnah merangkumi segala bentuk perkataan, perbuatan dan perakuan Rasulullah SAW dalam menerangkan nas-nas al-Quran yang kurang jelas dengan penambahan pengajaran dan hukum yang tidak terdapat dalam al-Quran. Namun demikian, dewasa ini semakin ramai umat Islam yang kurang memahami, mempelajari dan menghayati apa yang terkandung dalam al-Sunnah yang sepatutnya dijadikan sumber rujukan utama dalam menyelesaikan pelbagai masalah hukum yang timbul di kalangan umat Islam. Sebaliknya mereka lebih banyak menggunakan logik akal dan nafsu untuk menyelesaikan sesuatu permasalahan yang berlaku. Kesannya, hari ini kita dapat melihat berapa ramai umat Islam yang terpesong dari landasan keimanan disebabkan ceteknya pemikiran mereka kerana meminggirkan syariat Islam sebagai proksi kegemilangan ketamadunan ummah. Di samping itu, telah lahir golongan-golongan yang tidak mempercayai hadith atau Sunnah Rasulullah SAW yang boleh membawa kepada kekafiran seseorang. Justeru itu, penulisan ini diketengahkan untuk membincangkan kaedah untuk berinteraksi dengan al-Sunnah berasaskan pemikiran cendekiawan Islam yang terulung iaitu Sheikh Dr. Yusuf al-Qaradawi yang merupakan salah seorang mujtahid Islam kontemporari. Kesimpulannya, diharap penulisan ini membantu masyarakat Islam untuk mendaulatkan kembali al-Sunnah sebagai sumber utama perundangan Islam dalam menyelesaikan pelbagai masalah ummah.

*Kata kunci* : Interaksi, Sunnah, Prinsip

## 1. Pengenalan

Al-Sunnah merupakan sumber perundangan Islam kedua selepas al-Quran. Banyak peranan yang dimainkan oleh al-Sunnah dalam kehidupan manusia. Antaranya ialah menyokong dan menguatkan hukum yang terdapat dalam al-Quran, mentafsir dan menjelaskan maksud al-Quran yang *mujmal* serta membawa hukum baru atau menerangkan hukum yang tidak disebutkan dalam al-Quran (Qurrotul Aien, 2006). Selain dari sebutan istilah al-Sunnah, ia juga disebut dengan nama *al-Hadith*, *al-Khabar* atau *al-Athar*. Walaupun sebutan dan istilah berbeza, namun dapat didefinisikan dengan satu makna yang hampir sama iaitu “apa-apa yang disandarkan kepada Rasulullah SAW sama ada melalui perkataan, perbuatan atau penetapan baginda SAW”. Peranan serta kedudukan al-Sunnah dalam Islam dan dunia keseluruhannya tidak lagi dinafikan, namun timbul juga banyak kekeliruan apabila membicarakan tentang al-Sunnah. Wujud golongan – golongan yang mengingkari al-Sunnah berdasarkan hujah tersendiri, selain ada yang menyatakan bahawa al-Sunnah tidak layak jika dibandingkan dengan kitab al-Quran dalam membahaskan soal – soal prinsip utama atau perkara pokok dalam agama Islam dan seumpamanya, disamping timbul pula masalah dalam berinteraksi atau beramal dengan al-Sunnah yang dilihat tidak sesuai dan bertentangan dengan realiti semasa kehidupan manusia. Menyedari hakikat ini, penulis cuba mengkaji berasaskan pandangan Dr. Yusuf al-Qaradawi bagi menyelesaikan kekeliruan berkaitan kaedah berinteraksi dengan al-Sunnah secara umum dan juga al-Sunnah yang dilihat bertentangan dengan aspek realiti semasa kehidupan.

## 2. Definisi al-Sunnah

Perkataan al-Sunnah berasal dari kalimah Arab, dari sudut bahasanya ia membawa maksud perjalanan atau cara hidup sama ada baik atau buruk (Muhammad ‘Ajjaj al-Khatib, Dr., 1989M/1409H). Menurut Rohi Ba’labakiy (2000) pula bererti *rubric* (petunjuk), *practise* (kebiasaan) atau *mode of life* (cara hidup). Dari segi *syara’*, al-Sunnah ialah setiap apa yang diperintahkan oleh Rasulullah SAW dan yang dilarang oleh baginda atau yang digalakkannya sama ada melalui perkataan, perbuatan atau perakuan baginda SAW (Muhammad ‘Ajjaj al-Khatib, 1989M/1409H). Istilah al-Sunnah ditakrifkan dengan makna yang berbeza menerusi pandangan *al-Muhaddithin*, *ulama’ usul fiqh* dan *al-Fuqaha’*.

*Al-Muhaddithin* mendefinisikan al-Sunnah sebagai setiap apa yang ditinggalkan oleh Rasulullah SAW sama ada perkataan, atau perbuatan, atau penetapan, atau sifat baginda, atau perjalanan hidup baginda sama ada sebelum dibangkitkan menjadi nabi atau selepasnya. Pandangan ini selari dengan istilah *al-Hadith al-Nabawi* (Muhammad ‘Ajjaj al-Khatib, 1989M/1409H). Menurut pandangan *ulama’ usul fiqh*, al-Sunnah ialah setiap sesuatu yang keluar daripada nabi SAW selain daripada al-Quran, terdiri daripada perkataan, perbuatan atau penetapan baginda dengan syarat bahawa ia boleh dijadikan dalil dan bukti syarie (Muhammad ‘Ajjaj al-Khatib, 1989M/1409H). Manakala pandangan *al-Fuqaha’* mengertikan al-Sunnah dengan setiap yang diperintahkan oleh nabi SAW dengan ia merupakan ibadat yang tidak difardhukan atau diwajibkan (Mustafa Abdul Rahman, 2000). Daripada penjelasan istilah al-Sunnah tadi disimpulkan bahawa al-Sunnah menurut pendapat *al-Muhaddithin* adalah bersesuaian dengan tajuk perbahasan yang dibuat.

## 3. Kedudukan al-Sunnah sebagai sumber syariat

Sumber asasi hukum Islam ialah al-Quran dan al-Sunnah. Walaupun kedua-dua sumber ini dipandang sebagai asas atau dasar hukum, namun al-Quran tetap menjadi dasar pertama dan al-Sunnah menndampinginya sebagai dasar kedua (Mustafa Abdul Rahman, 2000). Imam Ahmad pernah menyatakan “*bahawa mencari hukum di dalam al-Quran hendaklah melalui hadith. Mencari agama juga sedemikian. Satu- satunya jalan yang dibentangkan untuk mempelajari fiqh islam dan syariatnya ialah hadith. Mereka yang mencukupi dengan al-quran sahaja sehingga tidak memerlukan hadith dalam memahami ayat al-Quran dan mengetahui syariatnya, sesat perjalanannya dan tidak akan sampai kepada maksud yang dikehendakinya*” (seperti yang dinyatakan dalam Hadith 40 (terjemahan dan syarahnya) Mustafa Abdul Rahman, 2000)

## 4. Dalil – dalil Kehujahan al-Sunnah

### 4.1 Dalil kehujahan al-Sunnah daripada al-Quran

Allah SWT berfirman (Surah al-Nisa’ :ayat 59)

Maksudnya : “*wahai orang –orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasul dan para pemimpin dari kalangan kamu, sekiranya kamu berselisih tentang sesuatu (agama) maka kembalilah merujuk kepada Allah ( al-Quran) dan rasul ( sunnahnya) iaitu bagi mereka yang beriman kepada Allah dan hari akhirat.*”

Firman Allah SWT (Surah al-Nisa’ :ayat 80)

Maksudnya: “*barangsiapa yang mentaati Rasul, maka sesungguhnya dia telah mentaati Allah SWT.*”

Allah juga telah berfirman ( Surah al-Hasyr : ayat 7)

Maksudnya: “*dan apa – apa yang didatangkan oleh Rasulullah SAW itu maka kamu ambillah, dan apa – apa yang dilarangnya kepada kamu maka kamu jauhilah ia.*”

#### 4.2 Dalil Kehujahan al-Sunnah daripada al-Hadith al-Nabawiyyah .

Rasulullah SAW bersabda yang mafhumnya: “ telah aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, selama mana kamu berpegang kepada keduanya, kamu tidak akan sesat buat selama – lamanya iaitu Kitab Allah ( al-Quran ) dan Sunnah RasulNya” ( hadith ditakhrijkan oleh Imam Malik, dalam al-Muwatta’, Juz.2 hadith ke-3, hlm 899)

Para sahabat *radhiallahu ‘anhum* juga bersepakat mengatakan bahawa al-Sunnah sebagai hujah syariat. Menurut pandangan Qurrotul Aien (2006) menyatakan bahawa tidak ada seorang pun dari kalangan sahabat yang hanya beramal dengan al-Quran semata-mata. Mungkin kita pernah mendengar riwayat yang menyatakan bahawa ada sebahagian daripada sahabat yang menolak hadith yang diriwayatkan kepada mereka, tetapi ini tidaklah membawa maksud mereka menolak hadith tersebut. Hal yang tersebut adalah disebabkan ketidakpercayaan mereka dengan kesahihan hadith atau terdapat hadith lain yang lebih kuat kedudukannya. Hal ini membuktikan para sahabat amat menitikberatkan kesahihan sesuatu hadith sehingga perpindahan hadith – hadith Rasulullah SAW kepada umat Islam hari ini tidak boleh diragui lagi kerana ia didatangkan mengikut taraf hadith yang diklasifikasikan oleh ulama’ muhaddithin sama ada bertaraf *sahih, hasan* atau *dhaif*.

### 5. Prinsip Utama Berinteraksi Dengan Al-Sunnah

Setelah dikaji tentang dalil wajib beramal dengan al-Sunnah dan menjadikannya sebagai hujah agama, perlu kita teliti pula bagaimana cara untuk beramal dengannya. “apakah dengan hanya ikut membuta tuli atau apakah terdapat prinsip –prinsip tertentu untuk berinteraksi dengan al-Sunnah?”. Dalam hal ini, Dr. Yusuf al-Qaradawi (1994M / 1404H) telah menggariskan beberapa prinsip dan kaedah utama untuk berkomunikasi dan beramal dengan al-Sunnah secara umum.

**5.1** Mempastikan kesahihan sesuatu hadith yang perlu dilihat menerusi acuan ilmiah yang ditetapkan oleh para ulama’, iaitu kesahihan hadith yang merangkumi *sanad* iaitu jalan periwayatan yang menyampaikan kepada *matan* iaitu silsilah perawi – perawi hadith (Mustafa Abdul Rahman, 2000) dan *matan* iaitu lafaz – lafaz hadith yang membawa makna atau kalam yang berada di akhir *sanad* (Mustafa Abdul Rahman, 2000) tidak kira sama ada hadith tersebut merupakan hadith *qauliyyah, fi’liyyah* atau *taqririyyah*.

**5.2** Memahami nas daripada hadith dengan baik melalui beberapa sudut, antaranya dari sudut bahasa, susunan hadith, dan sebab *wurudnya* (timbulnya) sesuatu hadith. Juga perlu diteliti apakah hadith tersebut membicarakan soal yang menyentuh syariat atau bukan syariat dan sebagainya.

**5.3** Mempastikan nas hadith tersebut selamat daripada bertembung dengan nas yang lebih kuat, seperti nas yang jelas dari al-Quran atau daripada hadith *mutawatir* (Mahmud al-Tohhan, Dr.,1996) atau daripada kaedah – kaedah umum syariat dan seumpamanya.

Oleh yang demikian, secara umumnya sebelum membicarakan dengan lebih lanjut kupasan topik, dapatlah disimpulkan bahawa al-Sunnah merupakan sumber kedua dalam Islam sama ada dalam bab yang bersangkutan dengan syariat ataupun dalam usaha untuk menjelaskan kehendak al-Quran. Para faqih merujuk al-Sunnah untuk mengistinbatkan hukum, begitu juga para pendakwah dan pendidik dalam memetik soal-soal yang berkait rapat dengan bidang masing-masing. Jelas lagi di sini bahawa kesemua merujuk kepada al-Sunnah untuk memperoleh maksud yang dicari serta bagi mendapatkan penerangan dengan lebih jelas dan mendalam. Al-Sunnah mestilah diterima sebagai suatu yang *dithabitkan* terus kepada Rasulullah SAW dan ia terbahagi kepada beberapa martabat

yang utama mengikut keadaan dan kekuatan perawi iaitu bertaraf *sahih*, atau *hasan*, atau *dhaif* (Qurrotul Aien, 2006). Para ulama' telah bersepakat menyatakan bahawa martabat – martabat hadith tersebut merupakan syarat bagi sesuatu hadith yang perlu diambil kira dalam mendatangkan hujah mengenai hukum – hukum syariat yang merupakan tiang bagi ilmu fiqh dan asas dalam menentukan soal halal dan haram. Akan tetapi, mereka (ulama' umat) berselisih pendapat dalam menyatakan wajib beramal dengan hadith – hadith yang disandarkan kepada membicarakan soal – soal *fadha'il a'mal* (kelebihan beramal) peringatan, perkhabaran berita gembira atau berita buruk yang mana bab-bab ini tidak termasuk dalam lapangan syariat yang jelas.

## **6. Kaedah Berinteraksi Dengan al-Sunnah Yang Dianggap Bertentangan Dengan Realiti Semasa Berdasarkan Prinsip Yang diasaskan oleh Dr. Yusuf al-Qaradawi.**

Apabila meneliti tentang matan sesuatu hadith, terdapat juga di antara hadith – hadith *sahih* itu kandungannya adalah dilihat bertentangan dengan aspek realiti semasa. Dengan kewujudan hadith – hadith sedemikian telah menimbulkan suatu pemikiran yang menyatakan bahawa tidak perlu beramal dan berinteraksi dengan hadith tersebut walaupun tarafnya *sahih*. Namun, sudah pasti pemikiran tersebut dapat diselesaikan dengan kaedah dan prinsip – prinsip tertentu. Prinsip ini ditumpukan kepada apa yang diasaskan oleh Dr. Yusuf al-Qaradawi.

### **6.1 Contoh Al-Sunnah (Hadith) yang Bertentangan Dengan Aspek Realiti Semasa.**

Apabila penelitian dibuat tentang hadith berkaitan, ternyata kebanyakan hadith yang dibicarakan ini adalah hadith yang termasuk dalam soal perubatan (*al-tibb*). Hadith-hadith tersebut bertaraf *sahih* akan tetapi ia tidak menjadi suatu amalan yang dilakukan oleh umat Islam kerana ia dianggap tidak munasabah dan tidak sesuai lagi dengan realiti semasa.

Antara hadith tersebut ialah ( Yusuf al-Qardhawi, Dr., 1998):

6.1.1 Hadith riwayat al-Bukhari daripada Abu Hurairah, Rasulullah SAW bersabda, mafhumnya : “*sekiranya telah jatuh seekor lalat ke dalam bekas minuman kamu, maka hendaklah kamu tenggelamkan (benamkan), sesungguhnya pada salah satu sayapnya itu terdapat penyakit dan pada yang satu lagi terdapat penawarnya (ubat).*”

6.1.2 Hadith Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Saad bin Abi Waqqas bahawa Rasulullah SAW bersabda, mafhumnya : “*barangsiapa yang bersarapan dengan tujuh biji tamar daripada tamar yang segar maka pada sepanjang hari itu dia akan selamat daripada terkena racun (penyakit dan terkena sihir).*”

### **6.2 Huraian Hadith.**

#### **6.2.1 Huraian Hadith Pertama.**

Hadith pertama adalah tentang *al-Zubab* ( lalat ), iaitu menyentuh soal perubatan. Hadith ini adalah merupakan hadith *sahih* yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam *Jami' al-Sahih*. Akan tetapi ia tidak menyatakan bahawa hadith tersebut terdiri daripada hadith *muttafaq 'alaih* menurut istilah ulama' hadith. Hadith *muttafaq 'alaih* adalah hadith yang diriwayatkan oleh *al-Syaykhan* (al-Bukhari dan Muslim) dalam *sahih* mereka. Sebaliknya hadith ini merupakan hadith yang diriwayatkan secara berasingan oleh al-Bukhari dan tidak *ditakhrijkan* oleh Muslim. Telah kita sedia maklum bahawa ulama' seluruhnya menerima hadith riwayat al-Bukhari begitu juga ulama' salaf tidak sekali – kali cuba untuk mengkritik hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhari. Hal yang demikian disebabkan ketelitian Imam Bukhari dalam meriwayatkan sesebuah hadith dimana beliau akan hanya menerima hadith sekiranya *sanad* yang dibawa itu adalah *sahih*.

Jadi berdasarkan *turuq* hadith ini nyata jalan kesahihannya, tetapi ia tidak mudah diterima dan diamalkan oleh umat Islam memandangkan ketidakyakinan dalam *matan* yang dibawa. Selain faktor kejahilan manusia itu sendiri dan ketidakfahaman tentang *matan* hadith mendorong umat Islam menolak hadith tersebut.

#### 6.2.2 *Huraian Hadith Kedua.*

Hadith yang kedua pula berkaitan *al-Tamr* ( buah kurma/tamar) yang merupakan hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim serta Ahmad bin Hanbal yang diriwayatkan daripada Saad bin Abi Waqqas. Hadith ini adalah hadith yang khusus sebenarnya ditujukan kepada ahli Madinah dan sekelilingnya. Dr. Al-Siba'i ( Yusuf al-Qaradhawi, Dr., 1998) menjelaskan bahawa:

- (i) Setengah ulama' berpendapat bahawa, tamar yang dikehendaki di dalam hadith ini ialah tamar Madinah. Hujahnya adalah berpandukan hadith yang diriwayatkan oleh Muslim iaitu “ *siapa yang makan tujuh biji tamar yang terdapat di antara dua kawasan di Madinah..*” juga terdapat di dalam riwayat lain disebutkan “ *sesungguhnya terdapat ubat pada tamar al-‘Aaliyah*”. Al-‘Aaliyah yang disebutkan di dalam hadith ialah satu kawasan di Madinah. Adalah tidak mustahil jika Allah memberikan sesuatu keistimewaan kepada sebuah negeri iaitu Madinah yang tidak wujud keistimewaan tersebut di negeri yang lain. Tamar Madinah di samping ada hubungan dengan tanah, udara dan lainnya, ia juga dengan berkat tangan Rasulullah SAW kerana tamar itu adalah dari tumbuhan yang ditanam oleh baginda SAW.
- (ii) Setengah ulama' lain pula berpendapat bahawa tamar yang dimaksudkan oleh hadith ini adalah umum iaitu sama ada tamar Madinah atau lainnya, kerana racun boleh membinasakan seseorang disebabkan oleh kesejukan yang terdapat dalam racun tersebut. Tetapi apabila seseorang melazimkan diri dengan makan tamar pada waktu pagi, kepanasan yang disebabkan oleh tamar akan sehati dengan kepanasan yang terdapat di dalam badan. Kedua – dua kepanasan itu dapat melawan kesejukan racun dan akhirnya racun itu tidak menimbulkan sebarang kesan pada badan seseorang manusia.

Menurut Ibn al-Qayyim, kebanyakan hadith yang berkaitan dengan perubatan ini atau seumpamanya tidak boleh digunapakai dalam bentuk umum semata-mata. Ini kerana kebanyakannya hanya dikhususkan untuk tempat yang tertentu, atau zaman tertentu, atau keadaan atau suasana tertentu. Oleh yang demikian, penggunaannya dilihat tidak begitu sesuai untuk zaman, tempat atau keadaan suasana yang lain darinya ( Yusuf al-Qaradawi, Dr., 1998).

### 6.3 *Kaedah Berinteraksi Menurut Prinsip yang Diasaskan oleh Dr. Yusuf al-Qaradawi.*

Setelah pengkajian dan huraian tentang dua hadith tadi, timbul persoalan tentang apakah perlu beramal dengan hadith tersebut ? atau bolehkah ia ditolak kerana ia dianggap tidak sesuai dengan realiti semasa?. Berhubung soal ini, Prof. Dr. Yusuf al-Qaradawi telah menggariskan beberapa kaedah untuk berdepan dengan hadith seumpama ini dan bagaimana cara untuk berinteraksi dengannya. Berikut adalah penjelasan kaedah secara satu persatu.

#### 6.3.1 *Mempastikan kedudukan hadith tersebut dengan terperinci*

Untuk berinteraksi dengan hadith seumpama hadith pertama yang berkaitan dengan *al-Zubab* (lalat) dan *al-Tamr* (tamar), kita perlu memastikan kedudukan dan martabat hadith tersebut sama ada bertaraf *sahih*, *hasan* atau *dhaif*. Bagi hadith yang dibincangkan tadi, kedua-duanya adalah hadith *sahih*. Hadith yang pertama tentang *al-Zubab* diriwayatkan oleh al-Bukhari, manakala hadith yang kedua pula tentang *al-Tamr* diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim. Oleh yang demikian, kedua- dua hadith tadi jelas memegang taraf yang *sahih* yang mana menurut kefahaman kita

apabila hadith bertaraf *sahih* maka kita tidak boleh mengingkarinya dan tidak dapat tidak perlu diterima pakai. Namun, menurut Dr. Yusuf al-Qaradawi, dalam kategori hadith *sahih* itu sendiri mempunyai tingkatan yang berbeza. Jadi usaha untuk mentakhrijkannya iaitu menunjukkan tempat hadith pada sumbernya yang asli (Mahmud al-Tohhan, Dr., 1996M/1416H) perlu dilakukan bagi memastikan bahawa hadith tersebut benar – benar *sahih* dan mencapai taraf hadith *mutawatir*. Dalam bab *takhrij* ini, Ibn. Hazm berpendapat sekiranya telah menemui tiga orang sahabat yang meriwayatkan hadith ini adalah cukup untuk menyatakan bahawa hadith ini mencapai taraf *mutawatir*. Hadith *mutawatir* dapat diertikan sebagai hadith yang diriwayatkan oleh perawi yang ramai pada setiap peringkat *sahabat, tabi'in, tabi' al-tabi'in* di mana adalah mustahil mereka sepakat untuk berdusta mencipta atau mengubah hadith tersebut ( Mahmud al-Tohhan, Dr., 1996)

### 6.3.2 *Cenderung melihat Tahap Hadith Sama ada Usul (prinsip) atau Juz'ie atau Furu'.*

Selain kaedah yang pertama, Dr. Yusuf al-Qaradawi juga dalam menjelaskan tentang prinsip berinteraksi dengan hadith sedemikian, beliau lebih cenderung untuk melihat tahap hadith tersebut. Maksud tahap hadith di sini adalah melihat sama ada hadith tersebut perbahasannya berada pada tahap *usul* ( prinsip utama dalam Islam) atau *Juz'ie* atau *Furu'* (perkara cabang/ khilaf ). Melihat kepada hadith tersebut, ternyata hadith ini tidak termasuk dalam tahap hadith yang menerangkan prinsip – prinsip utama dalam agama. Ia juga tidak termasuk dalam perkara yang menjelaskan bab eskatologi iaitu ketuhanan atau kerasulan atau perkara – perkara *sam'iyat*. Tidak juga menjelaskan tentang ibadat fardhu yang zahir dan batin, ibadat secara individu atau jemaah serta tidak membicarakan soal yang berkaitan dengan halal dan haram dalam kehidupan manusia. Selain itu, hadith tersebut juga bukan menjelaskan tentang peraturan Islam yang tetap dalam kehidupan berkeluarga, masyarakat , negara mahu pun hubungan antarabangsa serta tidak melibatkan soal – soal akhlak dalam Islam. Oleh yang demikian, pada pandangan beliau sekiranya seseorang muslim sepanjang hidupnya tidak mendengar hadith ini atau tidak beramal dengannya, tidaklah menjadi satu kekurangan dalam agamanya, di samping tidak akan meninggalkan kesan terhadap akidah atau ibadatnya serta akhlak peribadinya. Dan sekiranya hadith ini *dihazafkan* atau ditiadakan dalam Sahih al-Bukhari sekalipun, tidaklah mendatangkan mudarat dalam agama. Secara ringkasnya, hadith yang berbentuk bukan usul ini sekiranya ditolak, ia tidak akan menjejaskan keislaman seseorang manusia.

### 6.3.2 *Mempastikan Bentuk Ilmu Yang Diperolehi Daripada Sesebuah Hadith Sama ada Ilmu Yakini atau Zanni.*

Al-Hadith atau ilmu terbahagi kepada dua jenis iaitu ilmu *yakini* dan ilmu *zanni*. Hadith *mutawatir* mengandungi ilmu *yakini* sebaliknya hadith *Ahad* mengandungi ilmu *zanni*. Ilmu *Zanni* pula dapat diklasifikasikan kepada tiga iaitu *sahih* , *hasan* dan *dhaif*. Bagi hadith yang dibincangkan di atas, pendapat oleh sebahagian *ulama' al-ummah* menyatakan bahawa sekiranya hadith itu bertaraf *sahih* , ia merupakan hadith berbentuk *Ahad* dan bukanlah daripada hadith *mutawatir* yang mendatangkan ilmu *yakini*. Hadith *Ahad* jika diriwayatkan oleh *al-Syaykhan* ( al-Bukhari dan Muslim ) atau salah seorang daripada mereka, maka para ulama telah berselisih pendapat iaitu pertama, apakah hadith tersebut mengandungi ilmu yakini atau mengandungi zann yang kuat? Dan kedua, apakah ia mempunyai sebahagian ilmu yang berdasarkan syarat yang khusus?. Kekhilafan di kalangan ulama' menunjukkan bahawa barangsiapa yang menolak atau ingkar dengan hadith *Ahad* maka ia tidak terkeluar daripada agamanya. Hal yang sedemikian disebutkan kerana perkara yang boleh

mengeluarkan seseorang daripada agamanya adalah mereka yang mengingkari perkara yang telah yakin dan tidak ada pertentangan dengannya. Tetapi mereka boleh diisytiharkan terkeluar daripada agama secara jelas ialah mereka yang mengambil debu sekitar hadith – hadith seumpama *al-Zubab* dan menggunakannya sebagai jalan untuk mempermainkan agama. Hal berikut menunjukkan telah berlaku kafir yang jelas. Secara ringkasnya dapat disimpulkan bahawa sememangnya hadith-hadith yang dianggap bertentangan dengan aspek realiti semasa mempunyai kedudukan dan bertaraf *sahih*, tetapi ia tidak termasuk dalam perkara –perkara yang membicarakan soal pokok atau prinsip utama tentang agama Islam. Bagi individu Islam yang berpegang dengannya, ia harus dilihat menerusi beberapa kaedah yang telah dijelaskan sebelum ini. Manakala bagi golongan yang tidak menjadikan kandungan hadith tadi sebagai suatu kelaziman dalam kehidupan atau tidak beramal dengannya disebabkan tidak sesuai dengan realiti atau suasana semasa, bukanlah menjadi suatu yang mudarat sehingga boleh meninggalkan kesan terhadap pegangan akidahnya. Lebih jelas lagi dapat diperhatikan bahawa kebanyakan hadith yang membahaskan tentang persoalan perubatan ini lebih cenderung kepada munasabah dan kesesuaiannya kepada sesuatu tempat, zaman dan suasana tertentu. Namun adalah tidak dinafikan bahawa sebenarnya panduan dan petunjuk daripada hadith – hadith Rasulullah SAW ini sesuai untuk diterima pakai pada setiap zaman, suasana mahu pun keadaan.

#### **7. Kajian Saintifik Di Dalam Kesahihan Hadith**

Ulama'-ulama' kontemporari berpendapat bahawa hadith-hadith tersebut ditolak adalah kerana manusia belum mampu mengkaji tentang kebenaran hadith ini secara saintifik justeru ilmu tersebut belum diterokai pada masa itu. Walau bagaimanapun, pada tahun 1934 M.A Stewart, mendapati lalat ketika berbentuk larva (manggots), apabila dicelup ke dalam luka, ia akan mengeluarkan bahan ammonia dan kalsium karbonat. Bahan tersebut sekaligus mengalkalikan luka yang dialami. Apa yang menakjubkan lagi ialah larva-larva tersebut mampu berfungsi membunuh kuman-kuman bakteria dan membantu meredakan bengkak serta mencegah kematian sel-sel. Penerokaan ini turut dikukuhkan lagi oleh Edward Steinhaus dalam bukunya bertajuk *Insect Immunology*. Berikutan penemuan ajaib itu, maka penggunaan larva dalam kaedah perubatan semakin popular khususnya di era 1930-an. Tarikh berikutnya, iaitu 1935, S.W. Simmons pula mendapati, lendir yang dikeluarkan oleh larva mampu membunuh kuman-kuman yang bahaya seperti *Staphylococcus aureus*, *Haemolytic streptococci* dan *Clostridium welchii*. Pada tahun yang sama, W. Robinson pula mendapati larva mengeluarkan *allantoin* iaitu bahan protein yang membantu pertumbuhan sel-sel. Kajian tentang penawar yang terdapat pada lalat ini terus diterokai. Selepas 20 tahun berikutnya, iaitu pada tahun 1955 Dr. Maghdy Abd. Al-Shafy Al- Gawad dalam bukunya *Al-Tibb Al-Nabawi Fi Daw Al-Ilmi Al-Hadith (Prophetic Medicine in the Light of Modern Science)* terbitan tahun 1955 turut melaporkan hasil kajian yang dilakukan Dr. Nabih Da'ish dari Universiti Raja Abd. Aziz, Riyadh. Dalam laporan tersebut, telah menjelaskan kaedah yang digunakan oleh Dr. Nabih dalam membuktikan kebenaran hadith tersebut secara saintifik. Dr. Nabih dalam kajiannya telah menggunakan sepuluh kultur bakteria dengan dimasukkan seekor lalat ke dalamnya tanpa dicelup lalat itu ke dalam kultur. Manakala sepuluh kultur bakteria yang lain dimasukkan serta dicelup lalat ke dalamnya sebanyak sekali celup sahaja. Sepuluh Kultur bakteria yang lain pula dimasukkan lalat dan dicelup dua kali ke dalamnya. Sepuluh lagi Kultur bakteria yang dimasukkan lalat dan dicelup tiga kali. Hasil kajian tersebut mendapati kuman terus hidup dan membiak dalam sepuluh kultur pertama yang dimasukkan lalat yang tidak dicelup. Manakala dalam sepuluh kultur bakteria yang kedua, kuman-kuman tidak mampu membiak, malah sebahagiannya terbunuh. Dalam sepuluh kultur bakteria yang ketiga

dan keempat pula, didapati aktiviti antikuman ini terus meningkat. Maka dengan itu, tersingkaplah kebenaran hadith tentang *al-Zubab* dan penawar yang terdapat padanya. Kajian terus dijalankan untuk menghuraikan secara saintifik bagaimana penawar yang terdapat pada lalat itu berperanan sebagaimana yang difahami menerusi hadith tersebut. Oleh itu, saintis telah mengkaji dan menemui virus bakteriofaj – virus atau organisma tertentu yang ada pada tubuh lalat yang berfungsi untuk membunuh patogen (agen yang menyebabkan penyakit terutamanya bakteria dan virus). Di dalam laman web Universiti Colorado menjelaskan, bersama-sama lalat itu bukan hanya membawa patogen tetapi mikrobiota (bakteriofaj) yang memberi manfaat menyerang virus dan bekteria yang membawa penyakit. Mikrobiota pada lalat wujud di bahagian ketiga lalat yang berbentuk bundar iaitu perut dan punggungnya. Ia digambarkan sebagai sel yis bujur yang hidup sebagai parasit di dalam perut lalat. Sel yis inilah yang mengekalkan kitaran pusingan hidup lalat yang dikeluarkan melalui tubules respiratori atau saluran pernafasan tertentu yang ada pada lalat. Jika diperhatikan bahagian ketiga lalat ini tidak pernah mendarat atau mengenai dasar tempat lalat tersebut hinggap. Sel yis itu hanya akan pecah jika sekiranya lalat itu dibenamkan ke dalam cecair. Seterusnya cecair inilah yang akan memberi tekanan pada sel-sel yang mengandungi mikrobiota sehingga pecah dan merembiskan mikrob-mikrob istimewa ini. Kandungan sel itulah juga yang bertindak sebagai penawar kepada patogen yang dibawa oleh lalat. Perihal fenomena ini telah ditemui oleh Profesor Brefild yang merupakan saintis Jerman pada tahun 1871. Hal ini disahkan oleh para saintis pada abad ke 20. Sebagai contoh, Shope pada tahun 1927 dan Glaser pada tahun 1938 mendapati ada kuman-kuman virus dalam badan lalat yang berfungsi membunuh kuman-kuman bakteria. Kajian ke atas lalat rumah (*Musca do Mestica*) menunjukkan kemampuannya membunuh kuman-kuman *Staphylococcus muscae*, *Escherichia coli*, *Salmonella paratyphi* dan *Eberthella typhosa* yang menjadi penyebab penyakit cirit birit dan demam kepialu. Inilah penemuan virus bakteriofaj yang pertama di dalam serangga dan merangsang penemuan-penemuan baru yang lain. (Al-Islam, Julai 2011)

Hal ini juga dapat dilihat menerusi penulisan Dr. Danial Zainal Abidin (2003) tentang penemuan saintifik abad ini berkaitan rahsia lalat dan tamar yang dikaji oleh ahli – ahli sains semasa telah menyokong kebenaran dan kehebatan petunjuk Allah SWT yang dibawa oleh junjungan besar kita Muhammad *sallallahu ‘alaihi wasallam*.

## 8. Kesimpulan

Beberapa rumusan penting dapat disimpulkan daripada perbincangan, antaranya :

- i) Al-Sunnah merupakan pentafsiran kepada al-Quran dan memainkan peranan yang penting dalam Islam.
- ii) Al-Sunnah mempunyai taraf – taraf tersendiri yang mana perbezaannya bergantung kepada aspek *sanad* dan *matan* bagi sesuatu hadith.
- iii) Terdapat banyak dalil daripada al-Quran, al-Sunnah mahupun pandangan para sahabat *radiallahu ‘anhum* yang menjelaskan tentang kehujahan al-Sunnah sebagai tempat kedua dalam syariat dan perundangan Islam.
- iv) Terdapat beberapa prinsip utama yang perlu ditekankan untuk berinteraksi dengan al-Sunnah secara umum.
- v) Pembahagian kategori hadith dapat dilihat dari sudut tahap perbincangan hadith sama ada pokok perbincangannya adalah soal prinsip utama dalam agama (*usul*), *juz’ie* atau *furu’* (perkara cabang / khilaf).
- vi) Wujud hadith – hadith yang apabila diteliti dari sudut kandungannya bertentangan dengan amalan dari aspek realiti semasa. Ekoran daripada itu, telah menimbulkan beberapa persoalan yang memerlukan kepada penyelesaian yang jelas agar tidak timbulnya kekeliruan di kalangan umat. Antara persoalannya ialah dari sudut



pengamalan dan pegangan kepada hadith tersebut, cara berinteraksi dan beramal dengannya dan juga sering timbul persoalan tentang hukum menolak atau mengingkari hadith sedemikian.

- vii) Menurut Dr. Yusuf al-Qaradawi, tiga prinsip atau kaedah telah digariskan untuk berinteraksi dengan hadith yang dijelaskan iaitu pertama, memastikan kedudukan hadith tersebut secara terperinci. Kedua, cenderung melihat tahap hadith sama ada *usul* (prinsip) atau *juz'ie* atau *furu'* dan ketiga, memastikan bentuk ilmu yang diperolehi daripada sesebuah hadith sama ada ilmu *yakini* atau *zanni*.
- viii) Penolakan terhadap hadith-hadith yang dianggap bertentangan dengan amalan realiti semasa adalah disebabkan penerokaan secara ilmiah belum mampu diterokai oleh cendekiawan pada masa tersebut. Bukanlah bermakna kandungan hadith tersebut tidak sesuai atau bertentangan dengan realiti kehidupan sebenar. Malah hadith-hadith tersebut perlu dilihat sebagai sumber ilmu yang perlu dikaji untuk mencari jawapan sebenar dalam kehidupan, sebagaimana yang telah dibuktikan dalam kajian-kajian saintifik di atas.

## RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

Abdul Hayei Abdul Syukor, Prof. Madya Dr., (2001M), *Makalah Dirasah Hawla Hadith al-Zubab*, (Unpublished).

Danial Zainal Abidin, Dr., (2003), *Perubatan Islam dan Bukti Sains Moden*, Edisi Kedua, PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Jamiah Dakir, (1996M), *Kewibawaan al-Tafsir dan al-Hadith*, Cet.1, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Al-Islam, (Julai 2011), Utusan Karya Sdn. Bhd. Selangor.

Mahmud al-Tohhan, Dr., (1996M/1416H), *Usul al-Takhrij wa Dirasah al-Asanid*, Cet. Ketiga (terbaru), Maktabah al-Ma'arif Lil Nasyr wa al-Tawzi'. Hlm.10

Mahmud al-Tohhan, Dr., (1996), *Taisir Mustolah al-Hadith*, Riyadh : Maktabah al-Ma'arif.

Muhammad 'Ajjaj al-Khatib, Dr., (1989M/1409H), *Usul al-Hadith 'Ulumuhu wa Mustalahuhu*, Dar al-Fikr, Beirut.

Mustafa Abdul Rahman, (2000), *Hadith 40 (terjemahan dan syarahnya)*, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.

Qurrotul Aien bt Fatah Yasin, (2006), *Ilmu Mustolah Hadith*, Edisi Pertama, Cetakan Pertama, , Kuala Lumpur : ISP Shabab Trading.

Rohi Ba'labakiy, Dr., (2000), *Al-Mawrid, A Modern Arabic-English Dictionary*, cet.13, Dar el -Elm lil Malayin, Beirut.

Yusuf al-Qaradawi, Prof. Dr., (1998), *al-Sunnah Masdar al-Ma'rifah wa al-Hadarah*, Cet.2, Dar al-Syuruq.

Yusuf al-Qaradawi, Prof. Dr., (1994M / 1404H), *Kaifa Nata 'amal Ma'a al-Sunnah*, Dar al-Wafa.

Yusuf al-Qaradawi, Dr.,(Penterjemah : Huda Moxsin, Jawiah Dakir), (1994), *Bagaimana Berinteraksi Dengan Al-Sunnah*, Angkatan Belia Islam Malaysia.